



27 FEB, 2023

KPKM fokus penglibatan belia dalam sektor pertanian

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



LAWATAN: Mohamad (kiri) ketika melakukan lawatan pada Program Jelajah Agrotourism dan Agroyouth Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Pulau Pinang 2023 di Padang Kota Lama, George Town kelmarin. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang Dr Norlela Ariffin (dua kiri). — Gambar Bernama

KPKM fokus penglibatan belia dalam sektor pertanian

GEORGE TOWN: Usaha meningkatkan penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian menjadi antara fokus utama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi tahun ini.

Sehubungan itu, Menteri-nya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata pelbagai geran, dana dan latihan ditawarkan oleh pihak kementerian serta agensinya dalam usaha memajukan sektor berkenaan.

“KPKM menyediakan bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) bagi individu berumur 18 hingga 40 tahun dan telah memanfaatkan 8,403 orang di seluruh negara dari 2016 hingga 2022 dengan nilai kelulusan berjumlah RM151.75 juta.

“Selain itu, 146 pusat agropelancongan yang berdaftar di bawah bimbingan jabatan dan agensi KPKM juga diberikan bantuan Geran Agropelancongan dengan nilai RM22.13 juta,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Jelajah Agrotourism dan Agroyouth di sini kelmarin.

Katanya galakan berterusan dan bantuan dalam bentuk kewangan, infrastruktur mahupun latihan kepada belia bagi menceburi bidang agrokeusahawanan berupaya mentransformasi sektor ini kepada pertanian moden sekali gus mampu melipatgandakan tahap pengeluaran makanan tempatan.

Mohamad berkata, Jelajah Agrotourism dan Agroyouth juga merupakan antara inisiatif kerajaan bagi menarik minat golongan belia untuk berkecimpung dalam sektor agromakanan dan pertanian pintar.

Menurutnya, program jelajah anjuran KPKM itu berlangsung hingga semalam di Pekarangan Town Hall & City Hall, Padang Kota.

Sebelum ini, jelajah sama dianjurkan di Pasir Gudang, Johor pada 2 hingga 4 Disember lepas yang mencatatkan kehadiran 17,000 pengunjung dengan nilai jualan mencecah RM336,000 dan di Shah Alam, Selangor pada 3-5 Februari, dengan 18,000 pengunjung serta jumlah jualan sebanyak RM341,000. — Bernama



27 FEB, 2023

KPKM fokus penglibatan belia dalam sektor pertanian

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

LAWATAN: Mohamad (kiri) ketika melakukan lawatan pada Program Jelajah Agrotourism dan Agroyouth Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Pulau Pinang 2023 di PadangKota Lama, George Town kelmarin. Turuthadir Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang Dr Norlela Ariffin (dua kiri). — Gam bar Bernama

GEORGE TOWN: Usaha meningkatkan penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian menjadi antara fokus utama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi tahun ini.